



SIARAN MEDIA

INISIATIF PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA SAKIT DAN TERBENGKALAI TERUS MENJADI AGENDA DAN FOKUS KPKT DI TAHUN 2025

PUTRAJAYA, 26 Mac 2025 - Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu telah mempengerusikan Mesyuarat *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) Bilangan 2 Tahun 2025 pada 24 Mac 2025. Mesyuarat tersebut bertujuan meneliti dan memantau status terkini projek perumahan swasta lewat, sakit dan terbengkalai di Malaysia.

Sehingga **28 Februari 2025**, TFST telah mengesan dan memantau **230 projek perumahan swasta lewat, 347 projek perumahan swasta sakit dan 116 projek perumahan swasta terbengkalai**. Jumlah ini menunjukkan terdapat pengurangan bagi bilangan projek perumahan sakit namun terdapat sedikit peningkatan bagi bilangan projek perumahan lewat. Bilangan projek perumahan terbengkalai juga bertambah dan terdapat tiga (3) projek perumahan swasta telah disahkan terbengkalai pada Januari 2025 yang melibatkan negeri Selangor, Terengganu dan Pahang. Kesemua projek perumahan swasta lewat, sakit dan terbengkalai ini melibatkan nilai pembangunan kasar (*Gross Development Value – GDV*) sebanyak **RM107.04 bilion**.

Bagi tempoh 1 Januari sehingga 28 Februari 2025, **sebanyak 82 projek perumahan swasta sakit telah berjaya memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance – CCC*) dan tujuh (7) projek sakit kembali lancar** iaitu :

- i. Sunset Villa Property Sdn. Bhd;
- ii. Fast Crescent Sdn. Bhd;
- iii. Darar Ehsan Sdn. Bhd;
- iv. Lestari Puchong Sdn. Bhd;
- v. Abra Development Sdn. Bhd;
- vi. Rimbun Dermaga Sdn. Bhd; dan
- vii. Sendi Wawasan Development Sdn. Bhd.

Secara keseluruhan, sebanyak 89 projek telah berjaya dipulihkan dengan nilai GDV bagi 89 projek perumahan swasta yang berjaya adalah **RM6.48 bilion**. Bagi projek perumahan swasta terbengkalai, tiada projek yang berjaya dikeluarkan daripada senarai setakat ini. Dijangkakan bahawa sebahagian besar pemulihan projek-projek yang dilaksanakan di bawah Inisiatif Belanjawan 2023 akan berjaya memperoleh CFO/CCC pada tahun ini melibatkan 13 projek di mana tiga (3) projek dijangka pada suku tahun pertama, lapan (8) projek pada suku tahun kedua serta masing-masing satu (1) projek pada suku tahun ketiga dan satu (1) projek lagi pada suku tahun keempat tahun 2025.

Menurut YB Datuk Hajah Aiman Athirah, “Bagi memenuhi obligasi sosial KPKT, beberapa projek perumahan swasta terbengkalai menggunakan peruntukan pembangunan pada tahun 2025 dengan kerjasama agensi pelaksana di peringkat negeri akan terus dipergiatkan. KPKT juga akan memohon agar peruntukan ini dapat dipertimbangkan lagi bagi projek-projek yang menepati kriteria pada tahun 2026 kelak. Melalui inisiatif Kerajaan MADANI ini, diharapkan agar lebih banyak pembeli teraniaya dapat dibantu”.

KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) akan terus memantau pemulihan projek perumahan dengan lebih terperinci memandangkan ia merupakan inisiatif yang memperoleh kelulusan daripada Kementerian Kewangan. KPKT sedia bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan serta sentiasa komited untuk menangani masalah projek sakit dan terbengkalai di seluruh negara bagi menjayakan agenda utama KPKT demi kesejahteraan para pembeli rumah yang terjejas.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

